

**GARIS PANDUAN FELO PASCA DOKTORAL UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA****1. Nama Skim**

Skim ini dinamakan Skim Pasca Doktorat Universiti Teknologi Malaysia (SPD).

**2. Pengenalan**

Garis Panduan Skim Pasca Doktorat Universiti Teknologi Malaysia ini disediakan untuk memberikan panduan dalam pengurusan Felo Pasca Doktorat UTM.

**3. Definisi**

Skim Felo Pasca Doktorat UTM merupakan kaedah untuk melantik penyelidik lepasan Ijazah Doktor Falsafah yang boleh menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa ke arah kecemerlangan penyelidikan dan inovasi dalam sesuatu penyelidikan nic bagi menghasilkan penulisan bahan ilmiah.

**4. Tafsiran**

- i. **Universiti** ertinya Universiti Teknologi Malaysia
- ii. **Penyelia** ertinya staf akademik UTM (tetap dan kontrak) yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia Felo Pasca Doktorat
- iii. **VDR** ertinya Visa Dengan Rujukan yang dikeluarkan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara kepada seseorang yang bukan warganegara bagi membolehkan individu berkenaan masuk ke Malaysia selepas visa diluluskan oleh Pejabat Imigresen.
- iv. **Pas Penggajian** ertinya dokumen rasmi Jabatan Imigresen Malaysia dikeluarkan kepada Pegawai Dagang.
- v. **Penulis Pertama (First Author)** ertinya penulis pertama dalam penerbitan.
- vi. **Pas Tanggungan** ertinya dokumen rasmi Jabatan Imigresen Malaysia kepada keluarga Pegawai Dagang seperti berikut:
  - a. isteri / suami
  - b. anak yang berumur kurang dari 21 tahun
  - c. anak kurang upaya
  - d. anak angkat yang sah

**5. Objektif**

Objektif Skim PD UTM adalah seperti berikut:

- a. Menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik
- b. Menjalin kerjasama dengan Universiti ternama
- c. Menyelia pelajar PhD dengan menggalakkan pemindahan pengetahuan

## 6. Kelayakan Calon

Calon PD hendaklah mempunyai syarat kelayakan berikut :

- i. Terbuka kepada calon dalam dan luar Negara
- ii. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti tersenarai dalam Senarai QS ataupun yang telah menjalin kerjasama dengan UTM.
- iii. Mempunyai kelayakan kecekapan Bahasa Inggeris (TOEFL minima 600 atau IELTS minima band 6.5) bagi calon yang tesis PhD bukan dalam Bahasa Inggeris ataupun calon luar UTM
- iv. Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan **DUA (2) kertas kerja dalam jurnal berindeks WOS sebagai Penulis Pertama ataupun Penulis Kedua** (status penerbitan yang diambil kira adalah penerbitan *in press* dan *published*)
- v. Calon mestilah dalam tempoh **LIMA (5) tahun selepas menamatkan Ijazah Doktor Falsafah** dari Universiti yang diiktiraf.

## 7. Taraf Pelantikan

Pelantikan adalah bertaraf **sementara**.

## 8. Tempoh Pelantikan

- i. Tempoh lantikan selama **SATU (1) tahun** dan boleh dipertimbangkan untuk lanjutan **SATU (1) tahun** berdasarkan kepada prestasi PD
- ii. PD ataupun UTM boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi **DUA (2) bulan** notis

## 9. Syarat Tambahan Pelantikan Pasca Doktor 2017

- i. Semua permohonan mestilah dibuat **melalui Pusat Kecemerlangan (CoE) atau Kumpulan Penyelidikan (RG)**.
- ii. Pasca Doktor yang dilantik bertanggungjawab terhadap Pusat Kecemerlangan (CoE) atau Kumpulan Penyelidikan (RG).
- iii. Pusat Kecemerlangan (CoE) atau Kumpulan Penyelidikan (RG) perlu mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) geran aktif** di kalangan ahlinya.
- iv. Pusat Kecemerlangan (CoE) atau Kumpulan Penyelidikan (RG) perlu melantik penyelia dari gred 53/54 dan ke atas sahaja.

## 10. Tugas Dan Tanggungjawab Penyelia Pasca Doktor UTM

- i. Penyelia perlu membantu calon PD dalam melaporkan diri di UTM.
- ii. Membantu untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk penyediaan VDR atau sebarang dokumen rasmi.
- iii. Mendaftar Geran Pasca Doktor dalam Sistem RADIS untuk mendapatkan *cost centre* selepas PD melapor diri .
- iv. Menyediakan ruang dan keperluan penyelidikan yang mencukupi.
- v. Mengemukakan Laporan Perkembangan secara atas talian di RADIS.
- vi. Mengemukakan Laporan Akhir pada akhir tempoh lantikan (sebulan sebelum tamat lantikan)
- vii. Memantau kehadiran PD di UTM sepanjang tempoh lantikan.
- viii. Memastikan PD merupakan Penulis Pertama dalam segala penerbitan hasil kerja penyelidikan bersama sepanjang tempoh penyelidikan.

## 11. Tugas Dan Tanggungjawab Pasca Doktorat UTM

Tugas dan tanggungjawab PD adalah seperti berikut :

- i. Menjalankan penyelidikan **sepenuh masa di UTM** di bawah seliaan Penyelia.
- ii. Menghasilkan sekurang-kurangnya **EMPAT (4) kertas kerja yang tersenarai dalam Q1/Q2 sebagai Penulis Pertama** (status penerbitan yang diambil kira adalah penerbitan *in press* dan *published*).
- iii. Boleh diarah untuk mengendalikan penyeliaan pelajar tidak melebihi 6 jam setiap minggu.
- iv. Mengemukakan Laporan Perkembangan dan Laporan Akhir penyelidikan secara atas talian melalui RADIS sebulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan yang disahkan oleh Penyelia kepada Pengarah, RMC.

## 12. Lantikan Semula/Penyambungan

- i. Penyelia boleh mengemukakan permohonan untuk melantik semula PD yang akan menamatkan perkhidmatan dalam tempoh **TIGA (3) bulan** sebelum tamat lantikan.
- ii. PD perlu memenuhi KPI yang ditetapkan.
- iii. Penyambungan bergantung kepada prestasi PD dan kedudukan kewangan Universiti.

## 13. KPI Lantikan Kedua

PD dikehendaki menghasilkan tambahan **DUA (2) kertas kerja yang tersenarai dalam Q1/Q2 sebagai penulis utama** (status penerbitan yang diambil kira adalah penerbitan *in press* dan *published*).

## 14. Tempat Lantikan

- i. PD hanya boleh ditempatkan di **UTM Johor** ataupun **UTM International Campus**.
- ii. PD boleh menjalankan kerja-kerja penyelidikan di mana-mana Universiti, agensi kerajaan atau swasta **Dalam Negara** dengan kelulusan penyelia dan Pengarah, RMC.

## 15. Gaji Bulanan

- i. Gaji bulanan adalah **RM5,000 hingga RM7,000** berdasarkan kelayakan dan pengalaman
- ii. Penetapan gaji bulanan adalah berdasarkan matriks penentuan gaji yang diluluskan dan tertakluk kepada kedudukan kewangan Universiti.

## 16. Cuti Rehat Dan Cuti Sakit

- i. Cuti rehat sebanyak **25 hari setahun**. PD boleh memohon cuti rehat mengikut kelayakan tempoh perkhidmatan. Cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.
- ii. Permohonan cuti rehat perlu disokong oleh Penyelia dan diluluskan oleh Pengarah RMC

## 17. Kuasa Melantik

- i. Kuasa melantik PD UTM ialah Ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Pasca Doktorat yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- ii. Pengarah RMC (melalui kelulusan penurunan kuasa pada Februari, 2014) boleh meluluskan permohonan calon yang memenuhi semua kriteria.
- iii. Surat lantikan hanya ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) ataupun Pengarah, RMC.
- iv. Keahlian Jawatan kuasa Pemilihan dan Pelantikan PD diperakukan di Mesyuarat Jawatan kuasa Tetap Senat (Penyelidikan & Inovasi).

## 18. Kemudahan Lain

Kemudahan lain yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. Tambang Kapal terbang dua hala kelas Ekonomi ditanggung oleh UTM sekali sahaja sepanjang tempoh pelantikan bagi calon bukan warganegara atau warganegara Malaysia yang bermastautin di luar negara atau di Sabah dan Sarawak. Calon yang telah berada di Malaysia / Semenanjung Malaysia adalah berkelayakan untuk menuntut tiket penerbangan sehala di akhir kontrak sahaja.
- ii. Kemudahan Perubatan untuk calon, pasangan dan dua orang anak (yang belum berkahwin) yang merangkumi rawatan perubatan di Pusat Kesihatan Universiti Teknologi Malaysia dan Hospital Kerajaan sahaja (**caj rawatan perlu dibayar terlebih dahulu dan tuntutan perlu dibuat di RMC**)
- iii. Jumlah yang diperuntukan untuk kemudahan perubatan adalah **RM600.00 setahun**. Peruntukan yang tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.
- iv. Rawatan yang ditanggung adalah seperti berikut:
  - a) Pesakit Luar
  - b) Pemeriksaan Kesihatan untuk lapor diri
- v. Tuntutan kemudahan tambang penerbangan akan dibayar mengikut jumlah yang dituntut dan tertakluk kepada had maksima sebanyak **RM4,400.00** sepanjang tempoh lantikan.
- vi. Pembayaran **visa ditanggung bagi calon sahaja**.
- vii. Permohonan tuntutan bayaran balik wang perlu dikemukakan ke RMC dalam **tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh resit bayaran** dikeluarkan. Kelewatan mengemukakan tuntutan akan menyebabkan resit bayaran tidak akan diproses oleh urusetia.
- viii. PD adalah tertakluk kepada **pengenaan cukai bagi individu** yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Hasil dan Dalam.
- ix. PD perlu membuat pengisytiharan cukai pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri selewat-lewatnya sebulan sebelum tamat tempoh lantikan.

## 19. Proses Kerja PD

Proses kerja lengkap untuk melantik PD adalah seperti di Lampiran 1.

## 20. Pemegangan Jawatan Lain

Pemegangan jawatan lain sama ada di dalam atau di luar Universiti Teknologi Malaysia **tidak dibenarkan**.

## 21. Sumber Pembiayaan Skim

Pembiayaan skim ini adalah daripada peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui dana Universiti Penyelidikan.

## 22. Permohonan

- i. Pelawaan melalui iklan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- ii. Borang permohonan boleh didapati dari web <http://rmc.utm.my> (**Research Management** → **Research Process** → **Appointment of Post Doctoral**)  
Permohonan perlu dikemukakan kepada Sekretariat Pasca Doktorat, RMC **melalui Pusat Kecemerlangan (CoE)** atau **Kumpulan Penyelidikan (RG)**, dihantar melalui Penyelia untuk semakan dan diperakukan oleh Pengarah Research Alliance/Pengarah Kanan Institut/Timbangan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) Fakulti sebelum dikemukakan kepada RMC.
- iii. Sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh 6 bulan, permohonan dianggap tidak berjaya.
- iv. Garis Panduan ini akan digunapakai bagi lantikan PD mulai tahun 2017.
- v. Calon dikehendaki mengemukakan dokumen /sijil asal semasa permohonan :
  - Salinan Pasport
  - Gambar Berukuran Pasport
  - Salinan Sijil Akademik (Diploma/Degree/Masters/\*PhD atau surat kelulusan Senat)
  - Sijil TOEFL/IELTS
  - CV
  - Kertas Cadangan Penyelidikan
  - Borang Pemberian Gaji Bulanan Skim Pasca Doktorat
  - Senarai Penerbitan (published/in press/accepted)
  - Muka depan penerbitan yang tersenarai sahaja.